



DR 7 TAHUN 2015
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA

LAPORAN
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

**PROSEDUR KAWALAN PENGURUSAN SYARIKAT
PEMBINAAN PFI SDN BHD**

- KEMENTERIAN KEWANGAN -



LAPORAN
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

| <u>BIL</u> | <u>PERKARA</u> | <u>MUKASURAT</u> |
|------------|--|------------------|
| 1. | Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Terhadap Prosedur Kawalan Pengurusan Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd. | 1 |
| 2. | Rumusan & Syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara | 13 |
| 3. | Agenda Mesyuarat | |
| | a. Bilangan 11/2015 pada Rabu 18 Mac 2015 | 15 |
| 4. | Laporan Prosiding | |
| | a. Bilangan 11/2015 pada Rabu 18 Mac 2015 | |
| 5. | Dokumen Pembentangan | |

LAPORAN
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA
WANG NEGARA

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA TERHADAP PROSEDUR KAWALAN PENGURUSAN SYARIKAT PEMBINAAN PFI SDN. BHD.

1. PENDAHULUAN

Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 (siri 3) telah melaporkan mengenai syarikat Kerajaan yang mempunyai liabiliti tertinggi antaranya Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd. Isu ini hangat diperkatakan oleh masyarakat dan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) telah memutuskan untuk membincangkan isu tersebut pada 18 Mac 2015 iaitu dalam Mesyuarat Bilangan 11 Tahun 2015.

2. OBJEKTIF PERBINCANGAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Selaras dengan mandat yang diberikan di bawah Perkara 77 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Perkara 304(a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008), Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara telah memanggil Kementerian Kewangan bagi memberi penjelasan mengenai perkara-perkara berikut:

- i. Objektif penubuhan Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd;
- ii. Perolehan dana serta operasi Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd.; dan
- iii. Hutang Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd. dan impaknya terhadap kewangan Kerajaan.

3. SKOP DAN METODOLOGI

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- i. Menjemput Jabatan Audit Negara bagi memberi penjelasan berhubung isu yang dibangkitkan; dan
- ii. Memanggil Kementerian Kewangan untuk memberi penjelasan.

4. LIMITASI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Tiada limitasi dikenal pasti.

5. LATAR BELAKANG SYARIKAT PEMBINAAN PFI SDN. BHD.

Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd. (PPFI) ditubuhkan pada 28 September 2006. Syarikat ini merupakan Syarikat Tujuan Khas (*Special Purpose Vehicle – SPV*) milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD). Objektif penubuhannya adalah untuk memperoleh dana bagi membiayai projek/aktiviti yang dikenal pasti oleh Kerajaan. Struktur penjanaan dana terbahagi kepada dua iaitu PFI I dengan dana berjumlah RM20 bilion melalui perjanjian pinjaman yang ditandatangani dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada tahun 2007 pada kadar faedah 0.5% di atas kadar faedah Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dan bayaran balik perlu dibuat secara *bullet payment* dalam tempoh 5 tahun. Pinjaman ini telah dijadualkan semula dengan tempoh bayaran balik 15 tahun mulai tahun 2013 hingga 2027.

Manakala PFI II berjumlah RM10 bilion diperolehi daripada KWSP dan Kumpulan Wang Amanah Persaraan (KWAP) dengan tempoh bayaran balik 10 tahun. Dana ini diuruskan oleh Kementerian Kewangan mengikut tatacara kewangan semasa.

6. HASIL PERBINCANGAN DAN PENEMUAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Sesi perbincangan dimulakan dengan penjelasan awal mengenai isu yang berkenaan oleh Jabatan Audit Negara kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Selanjutnya, pihak yang terlibat dengan isu yang dibangkitkan iaitu Kementerian Kewangan yang diwakili oleh YBhg. Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Bin

Abdullah, Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan YBhg. Dato' Dr. Mohd. Isa bin Hussain, Setiausaha Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan dipanggil memberikan keterangan. Perkara yang dibincangkan pada umumnya diringkaskan seperti berikut:

6.1. Penjelasan Awal Oleh Jabatan Audit Negara

Jabatan Audit Negara memaklumkan mengenai pengauditan yang telah dijalankan terhadap pengurusan dana PFI seperti berikut:

6.1.1 Pengauditan Penyata Kewangan

Setiap tahun Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap Akaun Amanah PFI I dan PFI II dan isu pengurusan akaun amanah PFI seperti perbelanjaan melebihi peruntukan, peruntukan diterima tidak dibelanjakan atau peruntukan dibelanjakan kurang daripada 50% telah dibangkitkan. Selain itu, Jabatan Audit Negara juga ada menjalankan analisis terhadap liabiliti syarikat-syarikat milik MKD dan didapati Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd. adalah antara syarikat yang mempunyai liabiliti tertinggi iaitu RM27.862 bilion.

6.1.2 Pengauditan Prestasi

Jabatan Audit Negara juga ada menjalankan pengauditan prestasi terhadap projek-projek yang menggunakan dana PFI dan isu-isu yang sering dibangkitkan adalah projek lewat jadual, kualiti pembinaan kurang memuaskan, kerja tidak mengikut spesifikasi dan kelemahan pemantauan.

6.1.3 Pengauditan Terhadap Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd.

Pengauditan terhadap Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd. belum dilaksanakan kerana pewartaan bagi tujuan pengauditan baru diperolehi walaupun syarikat telah beroperasi mulai tahun 2006. Pengauditan tidak dijalankan terhadap syarikat-syarikat SPV seperti syarikat PPFi kerana syarikat-syarikat ini tidak mempunyai struktur organisasi yang teratur. Syarikat ini hanya diuruskan oleh Kementerian Kewangan.

6.2. Keterangan Oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan

YBhg. Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Bin Abdullah, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan memberikan keterangan mengenai prosedur kawalan pengurusan Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd. seperti berikut:

6.2.1 Konsep Inisiatif Pembiayaan Swasta atau PFI telah dibincangkan semasa pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan pada tahun 2006. PFI adalah berbeza dengan *Private Public Partnership* atau PPP di bawah pentadbiran Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS). PPP ditubuhkan dengan dana berjumlah RM20 bilion dan projek di bawah PPP tidak dibiayai oleh Kerajaan tetapi Kerajaan hanya memberi pinjaman 10% daripada kos projek iaitu sebagai *tipping point*.

6.2.2 Melalui Inisiatif Pembiayaan Swasta, satu Syarikat Tujuan Khas (*Special Purpose Vehicle – SPV*) milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) telah ditubuhkan

dengan tujuan memperoleh dana bagi membiayai projek/aktiviti yang dikenal pasti oleh Kerajaan. Perolehan dana adalah melalui pinjaman daripada Kumpulan Wang Amanah Persaraan (KWAP) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Pemilihan KWAP dan KWSP adalah kerana kedua-dua agensi ini menawarkan kadar pembiayaan yang lebih rendah berbanding bank komersial. Selain itu, keuntungan jangka panjang yang diperolehi oleh KWAP dan KWSP iaitu faedah pinjaman yang dibayar oleh Kerajaan akan dinikmati oleh pencarum kedua-dua agensi ini yang terdiri daripada pegawai awam dan swasta.

6.2.3 Struktur penjanaan dana terbahagi kepada dua iaitu PFI I dan PFI II. Pada tahun 2006, PFI I telah dilancarkan dengan dana berjumlah RM20 bilion bagi membiayai 547 projek yang dikenal pasti oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) seperti pembinaan sekolah, hospital dan sebagainya. Melalui konsep PFI, projek-projek yang tidak dapat dibiayai melalui peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK 9) disebabkan kekangan peruntukan telah dapat dilaksanakan lebih awal dan tidak perlu menunggu 10 atau 20 tahun akan datang yang mana kos adalah lebih tinggi. Selain itu, pelaksanaan projek melalui PFI ini telah berjaya mengurangkan impak kemelesetan ekonomi apabila Kerajaan aktif melaksanakan pelbagai projek dengan memberi kontrak kepada kontraktor-kontraktor tempatan. Pada tahun 2012 Kerajaan telah melancarkan PFI II dengan dana berjumlah RM12 bilion. Bagaimanapun, setakat ini Kerajaan hanya membuat pinjaman berjumlah RM10 bilion .

6.2.4 Pengurusan projek-projek di bawah konsep PFI adalah mengikut peraturan dan tata cara perolehan yang ditetapkan

oleh Kerajaan sama seperti projek-projek yang dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia (RMK).

6.2.5 Dana PFI diuruskan melalui Akaun Amanah dan ini bermakna pembiayaan melalui akaun amanah adalah di luar mekanisme bajet pembangunan yang biasa (*off budget*). Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek-projek di bawah PFI I telah dibentangkan di Parlimen semasa pembentangan Rancangan Malaysia Ke 9 dan juga semasa pembentangan Bajet tahun 2012 dan 2013 bagi projek-projek PFI II. Agensi penarafan antarabangsa seperti *Standard and Poor* dan *Fitch* juga dimaklumkan mengenai komitmen yang perlu ditanggung oleh Kerajaan dengan pelaksanaan PFI.

6.3. Keterangan Oleh YBhg. Dato' Dr. Mohd. Isa Bin Hussain, Setiausaha Bahagian Pelaburan Syarikat Kerajaan

YBhg. Dato' Dr. Mohd. Isa Bin Hussain, Setiausaha Bahagian Pelaburan Syarikat Kerajaan memberikan penjelasan lanjut mengenai pengurusan dana PFI seperti berikut:

6.3.1 Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd. (PPFI) merupakan Syarikat Tujuan Khas (*Special Purpose Vehicle – SPV*) milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD). Dana yang diperoleh Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd. akan disalurkan kepada Kerajaan dan diakaunkan dalam Akaun Amanah.

a. Inisiatif Pembiayaan Swasta I (PFI I)

i. Sumber dana berjumlah RM20 bilion adalah daripada KWSP. Pada peringkat awal, tempoh pinjaman adalah 5

tahun dan bayaran perlu dibuat secara *bullet payment*. Pinjaman ini telah di struktur semula dan bayaran balik secara ansuran adalah dalam tempoh 15 tahun iaitu dari tahun 2013 hingga 2027. Semasa penjadualan semula tersebut, jumlah pinjaman telah meningkat kepada RM22 bilion selepas mengambil kira faedah dipermodalkan dalam tempoh 5 tahun (*grace period*) bagi pembayaran secara *bullet payment*.

- ii. Kementerian Kewangan menyediakan *principal agreement* dengan Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd. (PPFI) dan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) akan memajakkan tanah (*lease*) pada nilai nominal RM10 kepada PPFI selepas *principal agreement* ditandatangani serta mewujudkan perjanjian pajakan. PPFI akan memajak kecil (*sub-lease*) semula tanah tersebut kepada PTP. Seterusnya PPFI akan menggunakan aset tersebut untuk mendapatkan dana daripada KWSP dan selepas kedua-dua pihak bersetuju dengan terma yang ditetapkan, *facility agreement* disediakan. Melalui kaedah ini, tiada risiko di pihak KWSP dan dengan ini KWSP telah menawarkan kadar pinjaman yang rendah kepada Kerajaan.
- iii. Kerajaan akan membayar kepada PPFI secara ansuran komitmen pajakan kecil tanah antara PTP dengan PPFI selama 15 tahun dan seterusnya PPFI akan menggunakan hasil pajakan kecil tersebut untuk membayar hutang kepada KWSP. Melalui kaedah ini, tidak berlaku pindah hak milik tanah kepada PPFI ataupun KWSP. Hak milik tanah serta projek masih kekal sebagai hak milik Kerajaan.

- iv. Peruntukan bagi bayaran pajakan kecil tanah oleh Kerajaan kepada PPF1 disediakan di bawah peruntukan mengurus.

b. Inisiatif Pembiayaan Swasta II (PFI II)

- i. Pelaksanaan PFI II adalah berbeza dengan PFI I. Bagi PFI II, PTP mengenal pasti tanah-tanah yang bersesuaian yang mempunyai nilai yang sama dengan nilai pinjaman iaitu RM10 bilion dan menandatangani perjanjian pajakan dengan PPF1. Penilaian tanah-tanah tersebut dijalankan oleh Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta. Seterusnya PPF1 akan memajak kecil (*sub-lease*) tanah tersebut kepada KWSP untuk mendapatkan dana berjumlah RM6.037 bilion dan kepada KWAP bagi dana berjumlah RM3.963 bilion.
- ii. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Amanah Persaraan (KWAP) akan memajak kecil semula tanah tersebut kepada Kementerian Kewangan dengan menandatangani perjanjian pajakan kecil kedua (*secondary sub-lease*). Manakala PTP menyediakan *Deed of Assignment* bagi menyerahkan hak kepada Kementerian Kewangan untuk menerima dana berjumlah RM10 bilion daripada PPF1 secara sekali gus. Kementerian Kewangan akan membayar pajakan termasuk faedah kepada PPF1 secara berperingkat dalam tempoh 10 tahun iaitu mulai tahun 2015 hingga 2024 berdasarkan jadual bayaran balik dengan menggunakan peruntukan mengurus.

- iii. Tanah/aset yang dipajakkan bagi PFI II adalah tanah/aset yang berlainan dengan tanah/aset yang dipajakkan untuk PFI I.

6.3.2 Pengurusan Akaun Amanah PFI

Dana yang diterima daripada PFI diakaunkan dalam Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI I) dan Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta (PFI II). Akaun Amanah ini diuruskan oleh satu Jawatankuasa yang dianggotai oleh Kementerian Kewangan; Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM); Unit Perancang Ekonomi dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri serta Kementerian Kerja Raya. Rekod perakaunan akaun amanah ini diselenggarakan oleh JANM. Baki dana yang masih belum digunakan untuk pelaksanaan projek/aktiviti telah dilaburkan dalam simpanan tetap yang diuruskan oleh JANM bagi mendapatkan dana tambahan melalui faedah pelaburan yang diterima.

6.3.3 Pelaksanaan Projek Menggunakan Dana PFI

- a. Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri mengenal pasti projek-projek yang perlu dilaksanakan dengan kadar segera tetapi tidak diperuntukkan di bawah peruntukan pembangunan. Projek-projek ini akan dilaksanakan menggunakan dana PFI I. Manakala bagi PFI II, Kementerian Kewangan menentukan projek/aktiviti yang akan dilaksanakan menggunakan dana ini. Selepas senarai projek/aktiviti dikenal pasti, Kementerian Kewangan akan menyalurkan

peruntukan kepada kementerian-kementerian untuk melaksanakan projek-projek tersebut.

- b. Pelaksanaan projek yang menggunakan dana PFI ini adalah seperti projek pembangunan yang lain iaitu mengikut peraturan dan tatacara perolehan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Peraturan berkaitan Arahan Perubahan Kerja, prosedur permohonan peruntukan tambahan atau permohonan pindah peruntukan antara projek juga perlu mematuhi peraturan kewangan semasa. Prestasi projek-projek ini dipantau oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri.

6.3.4 Prestasi Pelaksanaan Projek Di Bawah PFI I

Secara keseluruhannya sejumlah RM18.92 bilion (94.6%) daripada RM20 bilion dana telah dibelanjakan di mana 525 daripada 547 projek telah berjaya disiapkan oleh 16 Kementerian. Manakala baki dana berjumlah RM1.08 bilion (5.4%) akan digunakan untuk menyiapkan 22 projek yang masih dalam pembinaan.

6.3.5 Prestasi Pelaksanaan Projek Di Bawah PFI II

Sejumlah RM7.24 bilion (72.4%) daripada RM10 bilion dana yang diluluskan telah dibelanjakan oleh 15 Kementerian/ Agensi untuk melaksanakan 339 projek. Sebanyak 77 (22.7%) telah berjaya disiapkan manakala 207 (61.1%) projek dalam proses pelaksanaan dan 55 (16.2%) masih di peringkat pra pelaksanaan.

7 RUMUSAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

- 7.1. Inisiatif Kerajaan mendapatkan dana melalui PFI bagi membiayai aktiviti pembangunan adalah satu konsep yang baik. Walaubagaimanapun, konsep PFI yang dimaksudkan sebenarnya tidak digunapakai dalam kes ini. Pada pandangan PAC, program ini adalah pinjaman kerajaan yang *off-budget*. Pihak swasta pula tidak membiayai kos projek yang dilaksanakan.
- 7.2 Pinjaman oleh PFI akan dibayar balik sebagai bayaran sewa daripada kerajaan atas penggunaan tanah milik PFI yang sebelum ini dipajak kepada PFI oleh kerajaan dengan harga nominal.
- 7.3 Perbelanjaan yang digunakan tidak dibentangkan dalam Bajet yang dibentangkan dalam Parlimen. Butiran peruntukan projek yang dibiayai oleh PFI adalah juga tidak dibentangkan dalam Parlimen (*off budget expenditure*).
- 7.4 Perbelanjaan *off budget* ini boleh menimbulkan keraguan angka-angka yang diterbitkan dalam bajet dan tidak mencerminkan kedudukan kewangan kerajaan yang sebenar termasuk angka *contingent liability*, pengiraan defisit dan hutang kerajaan.
- 7.5 Selain itu, pinjaman tersebut di bawah Perakaunan Tunai tidak ditunjukkan sebagai liabiliti Kerajaan dan perbelanjaan tidak diambil kira dalam pengiraan defisit. Dengan ini, defisit kekal pada kadar lingkungan 3% dan hutang pada kadar 54% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) walaupun sebenarnya perbelanjaan dan pinjaman Kerajaan adalah lebih tinggi sekiranya mengambil kira pinjaman dan

perbelanjaan di bawah PFI. Pinjaman ini hanya akan dilaporkan sebagai liabiliti Kerajaan apabila Perakaunan Akruan dilaksanakan.

- 7.6 Perbelanjaan di atas akan meletakkan komitmen kerajaan dalam perbelanjaan mengurus pada tahun-tahun akan datang.

8 SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Bagi tujuan penambahbaikan akan datang, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara mencadangkan beberapa perkara seperti berikut:

- 8.1 Peruntukan dan perbelanjaan bagi projek-projek di bawah PFI perlu dibentang dan diluluskan di Parlimen. Selain itu juga segala bentuk perbelanjaan *off-budget* yang serupa seperti PFI ini juga perlu dilaporkan secara telus.

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara

**RUMUSAN & SYOR
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

RUMUSAN & SYOR
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

| PARA | RUMUSAN |
|------|--|
| 7.1 | Inisiatif Kerajaan mendapatkan dana melalui PFI bagi membiayai aktiviti pembangunan adalah satu konsep yang baik. Walaubagaimanapun, konsep PFI yang dimaksudkan sebenarnya tidak digunapakai dalam kes ini. Pada pandangan PAC, program ini adalah pinjaman kerajaan yang <i>off-budget</i> . Pihak swasta pula tidak membiayai kos projek yang dilaksanakan. |
| 7.2 | Pinjaman oleh PPFi akan dibayar balik sebagai bayaran sewa daripada kerajaan atas penggunaan tanah milik PPFi yang sebelum ini dipajak kepada PFI oleh kerajaan dengan harga nominal. |
| 7.3 | Perbelanjaan yang digunakan tidak dibentangkan dalam Bajet yang dibentangkan dalam Parlimen. Butiran peruntukan projek yang dibiayai oleh PFI adalah juga tidak dibentangkan dalam Parlimen (<i>off budget expenditure</i>). |
| 7.4 | Perbelanjaan <i>off budget</i> ini boleh menimbulkan keraguan angka-angka yang diterbitkan dalam bajet dan tidak mencerminkan kedudukan kewangan kerajaan yang sebenar termasuk angka <i>contingent liability</i> , pengiraan defisit dan hutang kerajaan. |
| 7.5 | Selain itu, pinjaman tersebut di bawah Perakaunan Tunai tidak ditunjukkan sebagai liabiliti Kerajaan dan perbelanjaan tidak diambil kira dalam pengiraan defisit. Dengan ini, defisit kekal pada kadar lingkungan 3% dan hutang pada kadar 54% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) walaupun sebenarnya perbelanjaan dan pinjaman Kerajaan adalah lebih tinggi sekiranya mengambil kira pinjaman dan perbelanjaan di bawah PFI. |

| PARA | RUMUSAN |
|------|--|
| | Pinjaman ini hanya akan dilaporkan sebagai liabiliti Kerajaan apabila Perakaunan Akruan dilaksanakan. |
| 7.6 | Perbelanjaan di atas akan meletakkan komitmen kerajaan dalam perbelanjaan mengurus pada tahun-tahun akan datang. |

| PARA | SYOR |
|------|--|
| | Bagi tujuan penambahbaikan akan datang, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara mencadangkan beberapa perkara seperti berikut: |
| 8.1 | Peruntukan dan perbelanjaan bagi projek-projek di bawah PFI perlu dibentang dan diluluskan di Parlimen. Selain itu juga segala bentuk perbelanjaan <i>off-budget</i> yang serupa seperti PFI ini juga perlu dilaporkan secara telus. |

AGENDA MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

- Mesyuarat PAC Bil 11/2015 Pada Rabu 18 Mac 2015

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BIL 11/2015 PADA RABU 18 MAC 2015
DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2, BANGUNAN PARLIMEN**

| TARIKH / HARI / MASA | PERKARA | KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT |
|---|---|--|
| 18 Mac 2015 (Rabu) 11.00 pagi | Prosedur Kawalan Pengurusan Syarikat Pembinaan PFI Sdn Bhd | Kementerian Kewangan |

LAPORAN PROSIDING

- Mesyuarat PAC Bil 11/2015 Pada Rabu 18 Mac 2015

Bil.11

**Rabu
18 Mac 2015**



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Mengenai:

**Prosedur Kawalan Pengurusan Syarikat Pembinaan PFI
Sdn Bhd**

- Kementerian Kewangan

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA**

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK JAWATANKUASA 2, TINGKAT 1 BLOK A
PARLIMEN MALAYSIA
RABU, 18 MAC 2015

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed - *Pengerusi*
YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]
YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]
YB. Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]
YB. Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]
YB. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
YB. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

URUS SETIA

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha
(Perundangan dan Prosiding)]
Encik Ahmad Johan bin Afandi [Pegawai Khas Pengerusi Jawatankuasa]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

YBhg. Datuk Haji Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]
Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad [Pengarah (Sektor Audit Kerajaan Persekutuan)]
Encik Zamani bin Md. Jidin [Timbalan Pengarah (Pengurusan Bahagian Teknikal)]
Encik Sharul Nizam bin Sabaree [Ketua Seksyen Penyelarasan Laporan]
Cik Raftah binti Ibrahim [Timbalan Pengarah Audit Kerajaan Persekutuan (Kewangan Bahagian II)]

samb/-

HADIR BERSAMA *(samb/-)***Kementerian Kewangan**

Encik Rosli bin Yaakub [Timbalan Setiausaha (Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi)]

Jabatan Akauntan Negara

Dr. Yacob bin Mustafa [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi, BPOPA)]

Encik Rozaimi bin Idris [Ketua Penolong Pengarah Kanan (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi, BPOPA)]

Jabatan Perkhidmatan Awam

Encik Ali Badaruddin Abd. Kadir [Timbalan Pengarah Kanan (TPBK(KA))]

Puan Norazlin Alias [Timbalan Pengarah (Bahagian Pembangunan Organisasi Cawangan Perjawatan)]

Puan Hastina Malayani Mohammad Normahdi [Penolong Pengarah (Bahagian Pembangunan Organisasi Cawangan Perjawatan)]

Unit Perancang Ekonomi

Encik Adam bin Sulong [Pengarah (Seksyen Bajet Pembangunan)]

Encik Noor Ihsan Che Mat [Timbalan Pengarah I (Seksyen Bajet Pembangunan)]

SAKSI-SAKSI**Kementerian Kewangan**

YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah [Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Syarikat Pelaburan Kerajaan)]

YBhg. Dato' Dr. Mohd Isa bin Hussain [Setiausaha Bahagian (Syarikat Pelaburan Kerajaan)]

Encik Ahmad Suhaimi bin Endut [Timbalan Setiausaha Bahagian (Syarikat Pelaburan Kerajaan (Sektor Tadbir Urus Korporat))]

Puan Norazura binti Tadzim [Ketua Setiausaha (Syarikat Pelaburan Kerajaan)]

Encik Shahrol Anuwar bin Sarman [Pegawai Khas (Ketua Setiausaha Perbendaharaan)]

Puan Norhayati binti Md. Husin [Penolong Setiausaha (Syarikat Pelaburan Kerajaan)]

Encik Ramzi bin Mansor [Timbalan Pengarah (Belanjawan Negara)]

Encik Razali bin Mohd [Ketua Seksyen (Dasar Belanjawan Negara)]

LAPORAN PROSIDING
MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KETIGA
Rabu, 18 Mac 2015
Bilik Jawatankuasa 2, Tingkat 1 Blok A, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur
Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.13 pagi
[Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed
mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Pengerusi: *Bismillahir Rahmaanir Raheem.* Selamat pagi. Boleh kita mulakan mesyuarat?... Kuorum sudah cukup, masa sudah sampai.

Okey, terima kasih. Selamat pagi saya ucapkan kepada Timbalan Pengerusi dan Jawatankuasa PAC, Datuk Anwari dari Jabatan Audit Negara serta wakil-wakil daripada kementerian. Pada pagi ini mesyuarat akan menumpukan perhatian kita kepada Pengurusan Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd.. Walaupun dalam Laporan Ketua Audit Negara hanya menyebut sebagai atau *one line item* sahaja tetapi isu ini telah dihebahkan dan dikatakan bahawa PFI Sdn. Bhd. ini mempunyai hutang sebanyak RM30 bilion.

Jadi pada hari ini juga elok untuk PAC memanggil Kementerian Kewangan untuk memberikan penjelasan mengenai syarikat Pembinaan PFI ini yang ditubuhkan sepenuhnya sebagai syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan dan ditubuhkan sebagai sebuah syarikat tujuan khas yang diwujudkan khusus untuk setiap projek ya. Jadi kebimbangan PAC mengenai hutang syarikat Pembinaan PFI ini dan bagaimanakah impaknya kepada kewangan kerajaan.

Jadi sebelum kita panggil saksi kita, saya memohon jasa baik daripada Datuk Anwari kalau ada apa-apa lagi perkara yang hendak ditambah sebelum kita mulakan prosiding. Terima kasih.

Datuk Haji Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya saya ada buat *slide* untuk *presentation*. Akan tetapi ada satu *slide* tajuknya projek PFI ini mengenai pengauditan kami terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang disediakan oleh Akauntan Negara. Kemudian ada di bawah MKD kita pun ada buat analisis terhadap liabiliti syarikat. Itu yang telah didebatkan oleh wakil rakyat dari Serdang di mana di bawah Jadual 25.17 ada disebut pembinaan PFI. So, ada menunjukkan liabiliti tertinggi RM27.862 bilion, Petrolia Nasional Berhad –RM152 bilion, Khazanah Nasional- RM68 bilion. So, itu yang telah dibangkitkan.

Jadi untuk projek PFI sebagaimana kita telah bincang projek Balai Polis Sentul, so saya ingin berpatah balik kepada subjek tersebut.

So, Ketua Audit Negara setiap tahun mengaudit akaun amanah pembiayaan PFI I dan PFI II. So, isu pengurusan PFI ada dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi pengauditan penyata kewangan yang saya sebut tadi. So, antara isu yang kita *raise* setiap tahun yang pertama perbelanjaan lebih daripada peruntukan, peruntukan tidak dibelanjakan, peruntukan di belanja kurang daripada 50%.

Jabatan Audit Negara juga menjalankan pengauditan prestasi terhadap projek-projek yang menggunakan peruntukan PFI I. So, ini adalah *list* projek-projek yang telah kami jalankan. Ini contohnya. So, di antara isu-isu yang sebagaimana kita bincang sebelum ini, projek lewat jadual, kualiti pembinaan kurang memuaskan, kerja mekanikal, *electrical* kurang memuaskan, kerja tidak mengikut *spec*, kelemahan pemantauan. Ini lebih kepada projek-projek PFI. Saya rasa PAC tidak fokus kepada yang ini. Fokus kepada yang saya sebut yang awal tadi mengenai liabiliti tertinggi. So, itulah sebagai mukadimah. Mungkin untuk penjelasan lanjut saya jemput pegawai saya untuk memberi sedikit *statement* terhadap isu liabiliti ini daripada Tuan Haji Sharul Nizam, silakan.

Encik Sharul Nizam bin Sabaree [Ketua Seksyen Penyelarasan Laporan]: Terima kasih Datuk, Tuan Pengerusi. Jumlah yang kita dapati sebanyak RM27.862 bilion kalau kita lihat berdasarkan penyata kewangan yang telah di audit, item bagi muka surat dua, *non-current liability*... [Disampuk] Okey, kalau kita lihat pada muka surat dua dengan *schedule* enam dia punya nota, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Kumpulan Wang Persaraan menyumbang sebanyak RM26.052 bilion. *Balance* sebanyak RM1.809 bilion ialah hasil daripada *current liability* yang ada pada halaman pertama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Itu jumlah liabiliti yang ada dalam *report* kita sebanyak RM27.862 bilion. Okey.

■1120

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Encik Sharul Nizam bin Sabaree: Oh, bukan.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Ini *External Auditor* punya *report* ya?

Encik Sharul Nizam bin Sabaree: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Dia punya *notes* ada tak?... *Notes* dia.

Encik Sharul Nizam bin Sabaree: Okey, *total report* kita ada, *total report*.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *The notes* itu. Kena ada *notes* ini. Apakah komen *Auditor*?

Beberapa Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Saya *confused*. PFI ini BLT kah dulu? *It's not the same? It's not the one of on special purpose vehicle to build all police punya headquarters itu? It's not the one?*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bnadar Baharu]: Tak, dulu ada BLT, *all police punya job will go to BLT*.

Datuk Seri Reezal Merican: Sama juga, EPF juga yang ini.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Apakah penjelasan hendak bagi?

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Tuan Pengerusi, boleh tak *just give quick background. PFI is 100% owned by MoF?*

Seorang Ahli: Yes.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *MKD owned 100% by MoF. Dia punya job are basically financing all the government job, is it? What is the job, what is dia punya ini?*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Betul tak? *Then let me post it in question form- "yes" and "no". Betul tak semua kontrak yang ditawarkan di bawah Pembinaan PFI, tidak termasuk atau terlingkung dalam bajet perbelanjaan kerajaan?... Off-budget.*

Tuan Pengerusi: Ini wakil Kementerian Kewangan ada.

Encik Rosli bin Yaakub [Timbalan Setiausaha (Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi)]: Tuan Pengerusi, okey hari ini saya pakai *mic*.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Pinjaman dari EPF, *guarantor from government*. So kerajaan bayar sewa untuk tanah yang telah pun diberikan kepada Pembinaan PFI.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *The only thing that appear is sewa tanahlah.*

Encik Rosli bin Yaakub: Tuan Pengerusi, ingin saya beri penjelasan sedikit.

Pertamanya saya hendak merujuk kepada edaran ini... *[Menunjukkan senaskhah dokumen]* Edaran oleh Urus Setia. Edaran ini sebenarnya memberikan gambaran yang kurang jelas ataupun kalau boleh saya katakan, ada sebahagiannya silap tentang syarikat PFI Sdn. Bhd. ataupun projek-projek PFI. Itu dua perkara yang berbeza. Ada juga projek PFI di bawah UKAS. Akan tetapi dalam kes yang kita hendak bincangkan, ini syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd..

Okey, kalau boleh saya katakan bahawa, Syarikat Pembinaan Sdn. Bhd. ini *fully owned by government through Ministry of Finance, MKD dan...*

Datuk Seri Reezal Merican: Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, kan?

Encik Rosli bin Yaakub: ...Pesuruhjaya Tanah Persekutuan memiliki tanah untuk- tanah ini dipajak dan ada pajakan kecil lagi. Sistem yang dibuat oleh Pembinaan PFI ini saya ingat sangat telus, sangat baik. Cuma daripada segi- mungkin Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, tanya daripada segi *off-budget*, nanti kita akan dengar daripada MoFlah daripada segi itu. Akan tetapi daripada segi perolehan-*procurement*, daripada segi *listed project* dalam siling RMKe-9 – *list project* juga ditentukan oleh EPU. Semua kita ikut peraturan macam projek pembangunan.

Malahan, urusan kewangannya jauh lebih baik daripada yang lain-lainlah, kalau boleh saya katakan begitulah. Akan tetapi apa yang digambarkan dalam ini sebenarnya kurang tepat. Ini sebenarnya merujuk kepada PFI *under* UKAS yang dalam edaran ini. Kalau Tuan Pengerusi tengok, yang merah ini, yang saya ada letak pada Tuan Pengerusi punya meja, ini kita punya yang akan dibentangkan oleh Tan Sri KSP sebentar lagi.

Tuan Pengerusi: [Menunjukkan senaskhah dokumen]

Encik Rosli bin Yaakub: Itu ha. Ini *actually* bukan merujuk kepada Pembinaan PFI Sdn Bhd. Boleh saya katakan memang ini lebih teruruslah. Okey, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Tan Sri KSP pun dulu dia di EPU. Jadi dia pun boleh jawab sekalilah, rangkum sekali apa orang kata PFI punya konsep ini. Okey, ada soalan lain?

Saya rasa ini hari kita tumpukan kepada inilah. Pertama sekali objektif penubuhan PFI ini. Kedua, macam mana mekanisme kewangan itu dilaksanakan. Selepas itu, ketiga, pemantauan Audit dan sebagainya.

Yang soal projek yang diaudit oleh Jabatan Audit Negara yang masih lagi bermasalah itu, walaupun dia datang daripada PFI, itu masalah yang biasalah. Pakai duit PFI pun ada masalah, tak pakai duit PFI pun ada masalah daripada segi pelaksanaan kontrak.

Jadi kita fokus kepada mekanisme kewangan sahaja pada hari ini. Yang Berhormat Petaling Jaya Utara cerita tentang *off-budget* dengan *on-budget* punya *expenditure*, *this is your chance to ask*.

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: Pasal apa, untuk saya, ini pun macam *list payment* juga. Maksudnya patutnya kalau masuk bajet, ia masuk sebagai perbelanjaan pembangunan. Tapi apabila sudah masuk bawah PFI, ini sudah jadi perbelanjaan mengurus, maksudnya jadi OPEX lah. Itu juga mempunyai impak jugalah.

Jadi ada soalan lain?... Audit pun tidak ada maklumat yang lebihkan?

Datuk Haji Anwari bin Suri: Dalam senarai syarikat-syarikat yang kita audit, untuk syarikat PFI baru di dalam senarailah.

Tuan Pengerusi: Baru dalam senarai?

Datuk Haji Anwari bin Suri: Baru digazet. So jadi kita belum audit Syarikat PFI Sdn. Bhd..

Tuan Pengerusi: Sudah ditubuhkan begitu lama baru gazet?

Datuk Haji Anwari bin Suri: Ya. Kita kena senarai dalam gazet.

Tuan Pengerusi: [Ketawa] Yalah ditubuhkan tahun berapa syarikat Pembinaan PFI ini?

Encik Rosli bin Yaakub: Tahun 2006.

Tuan Pengerusi: Maksudnya nak dekat 10 tahun baru gazet syarikat ini sebagai kena audit?

Datuk Haji Anwari bin Suri: Hendak gazet pun kena *submit* kepada...

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]* Ini banyak orang tak faham sebenarnya. Orang ingat Audit Negara boleh masuk mana-mana dalam syarikat. Rupanya tak boleh. Hanya dibenarkan sahaja. Okey, ada apa-apa lagi penjelasan yang perlu di dapat?

Datuk Haji Anwari bin Suri: Pegawai saya hendak *explain* sedikit kalau dibenarkan.

Tuan Pengerusi: Okey, boleh.

Cik Raftah binti Ibrahim [Timbalan Pengarah Audit Kerajaan Persekutuan (Kewangan Bahagian II)]: Okey, merujuk kepada Kertas yang dibangkitkan oleh Encik Rosli sebentar tadi ya, sebenarnya di dalam kertas ini memang kita bagi perbezaan di antara dualah. Satu, PPP di bawah UKAS dan juga Bahagian 2- pelaksanaan projek-projek PFI di bawah Kementerian Kewangan yang mana melibatkan syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd. Yang *first page* itu memang berkaitan dengan yang PPP UKAS lah, yang kita tak bincangkan di sin, tetapi kita merujuk kepada yang nombor 2, muka surat 3, "*Pelaksanaan Projek PFI di Bawah Kementerian Kewangan Malaysia*".

Sebagaimana yang dimaklumkan juga, bahawa peraturan kewangan untuk melaksanakan projek ini sama macam peraturan bagi projek-projek pembangunan biasa. Dia *follow* peraturan kewangan yang biasa, sama.

■1130

That's why isu-isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara berkaitan dengan kelemahan projek itu pun lebih kurang sama dengan projek-projek pembangunan yang lain. Sama, cuma ia diwujudkan SPV, dan SPV yang menyalurkan duit itu kepada kerajaan, yang mana *diaccountkan* di bawah Akaun Amanah. Nanti akan diterangkan oleh Kementerian Kewangan secara *detail* berkaitan dengan perkara itu, saya rasa. Okey, sekian.

Tuan Pengerusi: Dia sebenarnya antara "Hasil" dengan "Pinjaman" sahaja. Mana hasil yang tidak cukup, pinjam duitlah, itu sahaja.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Boleh saya minta penjelasan tentang akaun tadi ya. Akaun tadi. *Non-current asset advance to holding corporations RM25 billion. What is that? Which is the holding corporations- MoF?*

Encik Sharul Nizam bin Sabaree: Itu pinjaman terhadap KWSP.

Tuan Pengerusi: Okey MoF, bagi pencerahan sedikit.

Encik Rosli bin Yaakub: Tuan Pengerusi, saya tidak pasti apa yang diceritakan dalam *balance sheet* ini. Dan kalau merujuk kepada ini, yang diedarkan oleh Audit ini, pada pemahaman saya, ini ialah jumlah nilai aset, iaitu tanah yang dipajak oleh PFI. Itu *value* dia. *Value* tanah yang sebenar, tetapi saya tidak berapa faham tentang apa yang dimaksudkan oleh *balance sheet* ini sebenarnya. Apa yang dirujuk oleh- yang ditanya oleh Yang Berhormat Selayang itu saya kurang jelas.

Encik Sharul Nizam bin Sabaree: Untuk yang *non-current asset* pun, *even* untuk yang *advance to holding company*, tidak ada *note stated* untuk dalam *financial statement* yang kita analisis.

[Beberapa Ahli bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Saya hendak sebut sedikit, *this account never been audited*.

Tuan Pengerusi: *Cannot be right?*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *Not fault*.

Tuan Pengerusi: Ha?

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Ada tak *submit* kepada ROC ataupun SSM, *accounts* bagi- hujung tahun bila? Disember- *31st December 2013*.

Encik Rosli bin Yaakub: *I think* Tuan Pengerusi, yang detail nanti kita tanya kepada Tan Sri. Itu *I think* sudah terlalu detail.

Tuan Pengerusi: *He is good! [Ketawa]* Sudah, keluar cerita ini nanti....

[Beberapa Ahli bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: Tadi *remark* saya tadi, *strike off* ya *[Ketawa]* Apa ini, okey? Maksudnya sekarang ini, kita ini dalam gelap la. AG pun baru diberi mandat untuk hendak audit syarikat ini. Syarikat ini pun, apa, dia punya akaun ni pun, apa, dibuat secara *big numbers* sahaja. Dia tidak ada, tidak ada *detail*, kan. MoF kena *explain* la. Lepas itu, ada pula dia punya bezanya dengan UKAS dan MoF pula.. Akan tetapi dia punya hakikat dia, sama.

[Beberapa Ahli bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: Oh, yang EPU punya, *private sector does come out with some money. Actually we can copy this...*

[Beberapa Ahli bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Encik Rosli bin Yaakub: Tuan Pengerusi, kalau boleh saya jelaskan lagi apa yang dikatakan oleh Audit tadi. Sebenarnya begini. Pembinaan PFI ini, ia *raise funds*. Daripada segi *process, everything follow government procedure*.

Tuan Pengerusi: *Follow government procedure...*

Encik Rosli bin Yaakub: *Everything*.

[Beberapa Ahli bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Encik Rosli bin Yaakub: Okey, dari segi *structure [Ketawa]* Dari segi *structure*, dananya Tuan Pengerusi, ia PTP iaitu Pesuruhjaya Tanah Persekutuan- kenal pasti tanah. Tanah yang dikenal pasti ini dipajak kepada Pembinaan PFI Sdn. Bhd.. Kemudian, hasil pajakan itu dipajak sekali gus lah. Tanah ini pula dia *sub-lease* kepada KWAP ataupun KWSP untuk dapatkan dana. Cagaran.

Jadi, tanah ini sebenarnya *mortgage*. Instrumen sahaja. Selepas itu, dia dapat dana, *the process* untuk buat projek itu sama macam *government* punya *process*. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Lepas ini kita panggil KPTG juga lah. Fasal apa, satu lagi *angle* saya tengok sekarang ini, kalau tanah ini dulu tidak dipajak, sekarang dipajak, dia ada impak kepada *valuation* dia, dan juga kepada harta kerajaan. Fasal dulu tidak pajak, sekarang sudah pajak. Jadi saya rasa ini pun kita boleh panggil KPTG juga, tanya dia, bagi penjelasan bagaimana dia orang punya pandangan mengenai apa- PFI ini sendiri, inisiatif ini. Nampak cantik untuk MoF, untuk dapatkan pinjaman hendak buat projek, tetapi bila tanah itu dimasukkan ke dalam PFI, dan dipajak, maknanya aset kerajaan sudah turun.

[Beberapa Ahli bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: *We can ask him* nanti.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]: Tuan Pengerusi, satu, hendak tanya ya. Bila tanah itu dipajakkan kepada PFI, lepas itu dia *mortgage* ke EPF, ada berita tanah itu *disub-lease* balik kepada *Land Commissioner*, ya? Di *sublease* balik kepada *owner, the original owner and the original owner* pula bayar sewa, betul tidak?

Encik Rosli bin Yaakub: Okey, Datuk. Dia macam ini. Bila *sub-lease* kepada KWAP ataupun EPF, EPF *sub-lease* balik kepada MoF. Jadi bila dia *sublease* kepada MoF, yang *sub-lease* itu kita akan bayar *yearly* ataupun *monthly*, I tak perasan. Dia akan bayar balik. Itu dia istilahkan sebagai "Bayar Pinjaman", itu lah, tetapi tanah itu sebagai jaminan. Jadi prosesnya begitu.

Datuk Seri Reezal Merican: *Government* bayar tak *lease* itu?

Encik Rosli bin Yaakub: *Government* bayar- MoF bayar.

Datuk Seri Reezal Merican: *How much?*

Encik Rosli bin Yaakub: *How much...*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Lebih kurang RM1 *million* setiap- *about RM2 billion* a year.

Encik Rosli bin Yaakub: *We refer to MoF.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *The schedule is actually in the Auditor General Report.*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *By annually, twice a year* dibayar.

Tuan Pengerusi: Okey, ada apa-apa soalan lagi, sebelum kita panggil KSP?

■1140

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, dengan masalah ini, apakah soal pokok yang kita hendak tahu daripada pihak MoF?

Tuan Pengerusi: Tadi soal objektif penubuhan, pelaksanaannya dan juga pemantauannya.

Dr. Tan Seng Giaw: Adakah bukti ada penyelewengan dan sebagainya?

Tuan Pengerusi: Tidak ada, tidak ada.

Encik Rosli bin Yaakub: Penyelewengan tidak ada Tuan Pengerusi, saya ingat. Saya ingat ini *very clean* lah sistemnya.

